

UKM lambang institusi tempatan berjaya

BH - 9/10/2006

TAHNAH kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana buat pertama kali dalam sejarah universiti itu berjaya meletakkan namanya di kalangan 200 universiti terbaik dunia, berdasarkan 'ranking' terbaru 'The Times Higher Education Supplement' (THES).

Berpandukan 'ranking' itu, UKM kini berada pada kedudukan 185 ia itu peningkatan sebanyak 104 anak tangga berbanding kedudukan 289 pada tahun lalu. Ia bermakna di kalangan universiti di negara ini, UKM berada pada kedudukan teratas. Lebih membanggakan apabila UKM berada pada kedudukan lebih baik berbanding universiti lebih ternama seperti Universiti Minnesota, Amerika Syarikat yang berada pada kedudukan 187, Universiti Reading, England (192), Universiti Wollongong, Australia (196).

Di samping menaikkan nama universiti, pencapaian ini dilihat mampu menaikkan nama dan imej pendidikan tinggi negara. Saya berpendapat kejayaan ini pastinya mengembirakan dan membanggakan seluruh warga UKM, siswazah dan bekas warga kerja yang berusaha bersungguh-sungguh membangunkan universiti itu dari segenap segi. Bekas Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Mohd Salleh Yasin berpendapat kejayaan ini banyak disumbangkan oleh usaha keras dan kerjasama semua warga UKM.

Saya berpandangan, walaupun ini bukanlah yang pertama bagi UKM, tetapi perkembangan ini bakal memberikan publisiti meluas yang semangannya diperlukan untuk menjadikan universiti bertaraf nasional ini lebih dikenali di serata dunia. Apa yang lebih penting, ia bakal men-

cetus semangat dan menjana momentum baru dalam setiap usaha ke arah memenuhi aspirasi universiti dan negara. Pada masa sama, ia memberi keyakinan baru kepada pihak yang selama ini tidak yakin dengan usaha mereka mengejar kedudukan lebih baik pada persada antarabangsa.

Di samping menunaikan agenda pendidikan negara, pemerkasaan bahasa kebangsaan dalam pendidikan, pembinaan modal insan, penyelidikan saintifik dan terkini dengan kedudukan 185 dalam 'ranking' THES, UKM sekali lagi menempa nama sebagai sebuah universiti bertaraf nasional, tetapi mempunyai agenda menjangkau pendidikan bertaraf dunia. Secara tidak langsung ia mengesahkan keupayaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar pada peringkat pendidikan tinggi, yakni setanding dengan bahasa utama dunia lain. Sekali gus menyedarkan mereka yang skeptikal dan sinis terhadap kemampuan bahasa Malaysia sebagai bahasa utama universiti dan kewujudan UKM sebagai sebuah universiti.

Bagi saya, inilah peluang terbaik menyaksikan secara dekat bagaimana sebuah universiti berstatus nasional dalam negara kita berjaya menempatkan diri dalam kelompok universiti elit dunia. Namun, kita berharap pencapaian ini tidak sama sekali menjadikan UKM selesa sepenuhnya. Sebaliknya konsisten dengan usaha mereka, bukan setakat mempertahankan kedudukan malah memandang ke depan untuk melihat universiti nasional kita mencuri lebih banyak perhatian dunia pada masa depan.

FOUNDATION

ZALRAM,

Taman Ria, Sungai Petani.